

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

**SWM ENVIRONMENT SANTUNI 50 KELUARGA ORANG ASLI DI MACHAP MELALUI PROGRAM
SWM KASIH**

MELAKA, 4 MEI 2020: Sebanyak 50 buah keluarga Orang Asli suku kaum Temuan dari tiga buah kampung di Machap menerima sumbangan berbentuk set makanan asas daripada SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment), hari ini.

Daripada jumlah itu, 28 keluarga adalah dari Kampung Orang Asli Hutan Percha, 19 keluarga dari Kampung Orang Asli Bukit Putus dan tiga keluarga dari Kampung Orang Asli Kubang Badak.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Pengurus Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan, Dr Al’Ashari bin Othman berkata, bantuan itu adalah sebahagian daripada aktiviti SWM Kasih iaitu entiti tanggungjawab sosial korporat (CSR) SWM Environment yang bertujuan meringankan beban komuniti Orang Asli khususnya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19.

Selain itu, inisiatif tersebut juga membolehkan lima daripada 50 keluarga Orang Asli itu yang beragama Islam menyambut bulan Ramadan dengan lebih bermakna.

“SWM Environment amat prihatin dengan kebajikan warga masyarakat termasuk Orang Asli di kawasan pedalaman yang mungkin berdepan kekurangan akses untuk mendapatkan bekalan makanan asas sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

“Oleh itu, sumbangan set makanan asas yang diberikan ini diharap sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban perlu ditanggung keluarga Orang Asli di kampung tersebut,” katanya.



Pupuk Kesedaran Masyarakat Orang Asli

Katanya lagi, usaha menyantuni masyarakat Orang Asli tidak terhenti di situ sebaliknya pelbagai inisiatif yang boleh memanfaatkan serta meningkatkan kesejahteraan komuniti ini akan digerakkan secara berterusan.

“Bersesuaian dengan peranan sebagai syarikat konsesi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, SWM Environment merancang mengadakan program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Orang Asli untuk mempraktikkan amalan Pengasingan Sisa di Punca serta pembudayaan amalan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*),” katanya.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAR3CYCLE, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem pembayaran secara elektronik (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE melalui *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Puan Noor Che Wah Ramli

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Melaka)

(Tel) 06 – 3350 191

(Emel) wah.ramli@swmsb.com